



**UUM**  
Universiti Utara Malaysia

# 3<sup>rd</sup> LIFELONG LEARNING INTERNATIONAL CONFERENCE 2014 (3LInC'14)

## LIFELONG LEARNING INITIATIVES: New Frontiers And Sustainability

20-21 November 2014  
Promenade Hotel  
Kota Kinabalu, Sabah

Partners :



16.00 - 17.00

**Melati Room**

Parallel Session 4A: Policy and Business in Lifelong Learning

Chairperson : Dr. Nurhaizal Azam Arif (English Version)

Presenters :

1. Creating, Learning, Relearning and Re-engineering the Art of Learning and Teaching: New Models of Lifelong Learning for Sustained Development

- Assoc. Prof. Dr. Hisham Dzakiria

2. Assessing Factors That Constitute Talent In The Islamic Financial Institutions Among Bank Officers

- Dr. Zairani Zainol

3. The Relationship Between Internal Market Orientation And Employee Job Satisfaction In Malaysian Childcare Centre

- Assoc. Prof. Dr. Abd Rahim Othman

**Mawar Room**

Parallel Session 4B: Policy and Business in Lifelong Learning

Chairperson : Mr. Fadzil Mohd Husin (Bahasa Melayu Version)

Presenters :

1. Kesejahteraan Psikologi Dalam Kalangan Warga Emas Di Rumah Perlindungan Orang Tua Di Selangor.

- Ms. Nurul Aini Mudayat

2. Pembangunan Laman E-Profilio Pembelajaran Bahasa Arab Dengan E-log

- Mr. Firdaus Yahaya

3. Penguasaan Prinsip Perbankan Islam Dalam Kalangan Staf Institusi Perbankan Islam Di Malaysia: Suatu Analisis

- Assoc. Prof. Dr. Azizi Abu Bakar

17.00

Refreshments

## ABSTRACTS

Mawar Room

**Parallel Session 4B: Policy and Business in Lifelong Learning  
(Bahasa Melayu Version)**

Chairperson : Mr. Fadzil Mohd Husin  
Time keeper: Mr. Mustafa Isa  
Secretariat : Ms. Junainah Sahadan

**Presenters :**

1. Kesejahteraan Psikologi Dalam Kalangan Warga Emas Di Rumah Perlindungan Orang Tua Di Selangor.
  - Ms. Nurul Aini Mudayat
2. Pembangunan Laman E-Profilio Pembelajaran Bahasa Arab Dengan E-log
  - Mr. Firdaus Yahaya
3. Penguasaan Prinsip Perbankan Islam Dalam Kalangan Staf Institusi Perbankan Islam Di Malaysia: Suatu Analisis
  - Assoc. Prof. Dr. Azizi Abu Bakar



**KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI DALAM KALANGAN WARGA EMAS DI RUMAH PERLINDUNGAN ORANG TUA DI SELANGOR**

Nurul Aini Mudayat  
Universiti Malaya, Malaysia

Fatanah Mohamed  
Universiti Malaya, Malaysia

**ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesejahteraan psikologi dalam kalangan warga emas di Rumah Perlindungan Orang Tua di Selangor. Kajian ini adalah kajian tinjauan. Subjek kajian terdiri daripada 55 orang warga emas. Alat kajian yang digunakan untuk mengukur kesejahteraan psikologi ialah Skala Kesejahteraan Psikologi Ryff. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif iaitu peratusan dan min. Selain itu, statistik inferensi menggunakan analisis ujian-t dan analisis korelasi Pearson digunakan. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa tahap kesejahteraan psikologi responden berada pada tahap sederhana. Hasil dapatan kajian juga mendapat bahawa warga emas perempuan mempunyai tahap kesejahteraan psikologi yang lebih tinggi berbanding warga emas lelaki. Dapatkan ini juga menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan antara umur dengan tahap kesejahteraan psikologi.

**PEMBANGUNAN LAMAN E-PORTFOLIO PEMBELAJARAN BAHASA ARAB DENGAN ELGG**

Mohd Firdaus Yahaya  
Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia

Mohd Feham Md. Ghilip  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Mohd Shahrizal Nasir  
Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia

**ABSTRAK**

Saban hari, perkembangan teknologi semakin pesat membangun, tidak ketinggalan dalam bidang pendidikan. Laman pembelajaran dibangunkan menggunakan teknologi sama ada secara atas talian, penciptaan alat inovasi dan sebagainya. Dalam hal ini, pembelajaran bahasa Arab juga menerima kesan positif daripada kepesatannya teknologi, malah ia menjadi satu keperluan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran pada masa kini. Terdapat beberapa laman bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran hari ini, antaranya adalah dengan menggunakan e-portfolio. Laman e-portfolio pembelajaran bahasa Arab dibangunkan dengan menggunakan ELGG. Laman e-portfolio memberi ruang kepada pelajar bagi menyimpan artifik atau bahan pembelajaran mereka secara berpusat serta dikongsi bersama rakan yang lain. Tambahan lagi, para guru boleh melakukan penilaian terhadap bahan pembelajaran tersebut secara atas talian. Artikel ini akan membincangkan pembangunan laman e-portfolio serta kaedah penilaian yang akan digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran menggunakan laman ini.

**Kata Kunci:** ELGG, penilaian, Bahasa Arab, pendidikan, e-portfolio